



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

PERUTUSAN

**YANG BERTAMBAH
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA HARI KESIHATAN SEDUNIA 2023**

7 APRIL 2023

**TEMA:
“Kesihatan Untuk Semua”
(Health for All)**

1. Hari Kesihatan Sedunia disambut pada setiap 7 April di seluruh dunia sempena memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation - WHO*) di mana tahun ini adalah genap 75 tahun usia penubuhannya. Dalam pada itu, sambutan tahun ini di lihat sebagai peluang untuk mengimbas kembali kejayaan-kejayaan kesihatan awam yang telah meningkatkan kualiti hidup di sepanjang tujuh dekad yang lalu dan juga sebagai peluang untuk memotivasikan tindakan bagi menangani cabaran kesihatan pada masa ini dan masa akan datang. Sehubungan dengan itu, pada tahun ini, WHO telah memilih tema “**Kesihatan Untuk Semua**” (*Health For All*), bagi menuju ke visi yang setiap individu di dunia ini mempunyai kesihatan yang baik di dunia yang aman, makmur dan mampan.

2. Kesihatan adalah hak asasi setiap individu dimana mereka mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, terbaik, mudah diakses apabila dan di mana sahaja ia diperlukan tanpa dibebani dengan isu kewangan mengikut prinsip **Liputan Kesihatan Sejagat** atau *Universal Health Coverage (UHC)*. Prinsip UHC menjanjikan perlindungan kewangan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan asasi yang berkualiti. UHC juga boleh mengeluarkan masyarakat itu dari kitaran kemiskinan, menggalakkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat serta melindungi dari krisis kesihatan awam.
3. WHO mengongsikan bahawa 30 peratus penduduk dunia pada masa ini tidak mendapat akses ke perkhidmatan kesihatan asasi. Sementara itu, hampir dua bilion manusia sedang bergelut dengan masalah kewangan yang berat disebabkan oleh keperluan kesihatan mereka. Perkara ini adalah sangat ketara di kalangan kelompok penduduk berisiko atau *vulnerable communities*, seperti mereka yang berada di sosioekonomi rendah, warga emas dan warga minoriti.
4. Di samping akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, adanya pekerja kesihatan yang berkemahiran dan pemberian perkhidmatan kesihatan yang *people-centred* adalah penting untuk merealisasikan visi “Kesihatan Untuk Semua” ke arah pencapaian Liputan Kesihatan Sejagat. Telah terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa sistem kesihatan yang paling berkesan dan efektif dari segi kos ialah melalui pemberian perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang membolehkan penyampaian

perkhidmatan kesihatan yang lebih dekat kepada masyarakat dan *personalised*.

5. Negara Brunei Darussalam adalah komited bagi pengukuhan sistem penjagaan kesihatan melalui prinsip Liputan Kesihatan Sejagat (*Universal Health Coverage*), dengan memastikan penyediaan perkhidmatan yang boleh diakses dan saksama kepada semua. Pandemik COVID-19 telah membuktikan bahawa penjagaan kesihatan asasi yang kukuh adalah komponen penting bagi kesiapsiagaan di dalam menangani apa jua kecemasan terutama di dalam mendokong tindakbalas dan pengurusan kecemasan tersebut.
6. Bagi Tahun Kewangan 2023/2024, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah \$418,098,270 bagi Kementerian Kesihatan dengan tema “Kesihatan Adalah Tanggungjawab Semua” dan sejajar dengan tema belanjawan negara iaitu “Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur”. Pelaburan bagi sistem kesihatan yang kukuh adalah kritikal bagi kesejahteraan sesebuah masyarakat. Meningkatkan pembiayaan awam bagi kesihatan, dan menurunkan kos *out-of-pocket* boleh menyelamatkan nyawa dan pada waktu yang sama membantu mencapai dan memajukan *Sustainable Development Goals* yang tidak terhad kepada perkara berkaitan kesihatan.
7. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita sangat beruntung kerana kesemua rakyat dan penduduk di Negara ini menerima

perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mudah diakses di kesemua daerah, yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan. Ini termasuklah penyediaan:

- i. empat (4) buah hospital;
- ii. empat belas (14) buah pusat kesihatan yang komprehensif;
- iii. enam (6) buah klinik kesihatan; dan
- iv. 2 perkhidmatan klinik perubatan udara.

Pusat-pusat Kesihatan yang disediakan adalah berkonsepkan ***One Stop Health Centre*** dan terletak di beberapa lokasi strategik di seluruh negara. Pusat-pusat Kesihatan ini membolehkan penduduk setempat mendapat akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan asasi, dan perkhidmatan yang diberikan adalah berkonsepkan holistik dan *multi-disciplinary*, dengan memberikan penekanan kepada aspek pencegahan penyakit, pengesanan penyakit di tahap yang lebih awal dan pencegahan komplikasi. Kementerian Kesihatan juga sedang meneliti bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan yang baru untuk dibina di lokasi-lokasi yang memerlukannya di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara.

8. Pihak Kementerian Kesihatan juga telah melipatgandakan usaha untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran yang sedia ada di keempat-empat buah hospital kerajaan bagi

memastikan pemberian rawatan dan pemulihan kepada semua penduduk di negara ini, termasuk pemberian ubatan-ubatan adalah lebih efisien, efektif dan berkualiti. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan termasuklah pembangunan infrastruktur kesihatan dan penambahbaikan dan menaiktaraf fasiliti-fasiliti yang sedia ada mengikut piawaian yang telah ditetapkan dalam pengawalan dan pencegahan penyakit-penyakit berjangkit. Di samping itu, beberapa projek pembangunan infrastruktur di bawah Rancangan Kemajuan Negara sedang dilaksanakan dan juga telah dirancang bagi menambah lagi ruang bagi penyediaan perkhidmatan yang lebih komprehensif dan kondusif untuk keselesaan pekerja kesihatan dan orang ramai.

9. Pihak Kementerian Kesihatan juga telah mengambil inisiatif dan komited dalam memperkembangluaskan perkhidmatan perubatan dalam pelbagai kepakaran sesuai dengan perkembangan teknologi dan kemahiran dalam pelbagai pengkhususan dengan pelaksanaan program-program dan teknik-teknik baru dalam memberikan rawatan dengan penggunaan peralatan-peralatan yang canggih dan terkini. Rawatan kepakaran ini bukan saja tertumpu kepada hospital-hospital kerajaan tetapi juga mudah dan dapat diakses di pusat-pusat perubatan pakar seperti Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) dan Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC).

10. Selain dari perkhidmatan kesihatan, persekitaran hidup yang sihat dan kondusif kepada cara hidup sihat juga boleh mengubah kehidupan manusia. WHO telah menyarankan bagi penambahan kadar "*health taxes*" atau pencukaaian ke atas tembakau, alkohol, gula dan bahan

api fosil. Negara Brunei Darussalam merupakan negara ASEAN pertama yang memperkenalkan pencukaian atau duti eksais minuman bergula yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 2017. Dalam jangka masa panjang, tindakan ini boleh mengurangkan kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti dan diabetes di kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam.

11. Selain dari itu, WHO juga menjangkakan kekurangan 10 juta pekerja kesihatan bagi tahun 2023-2030, oleh itu, pelaburan dalam sistem pendidikan dan penciptaan peluang-peluang pekerjaan dalam bidang kesihatan adalah sangat diperlukan. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi juga mempunyai inisiatif bersama untuk meningkatkan pengeluaran graduan tempatan bagi menambah kapasiti tenaga kerja kesihatan.
12. Untuk mengakhiri, Kementerian Kesihatan menyeru kepada orang ramai untuk bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam mengamalkan cara hidup sihat dan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam apa jua aktiviti berkaitan dengan penjagaan kesihatan diri masing-masing, keluarga dan masyarakat. Kita hendaklah bersama-sama lebih menghargai nikmat kesihatan, keamanan dan kemakmuran yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara Brunei Darussalam dan tidak mensia-siakan kemudahan-kemudahan yang ada. Marilah kita sama-sama berdoa semoga tema sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini, iaitu “Kesihatan Untuk Semua” akan menjadi satu realiti. Amin Ya Rabbal ‘Alamiin.

-TAMAT-